

## **KENYATAAN MEDIA**

### **Kolaborasi Pernas-Jabatan Pembangunan Perindustrian Dan Penyelidikan Sabah (DIDR) Untuk Melahirkan Lebih Ramai Usahawan Francais Di Sabah**

**KOTA KINABALU, 18 Mac** – Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menandatangani memorandum kolaborasi (MoC) dengan Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah (DIDR) iaitu agensi di bawah Kementerian Perindustrian Sabah (MID) di Le Meridien Hotel, Kota Kinabalu, hari ini.

Melalui kolaborasi yang dijalankan, para usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) akan menerima bimbingan melalui projek Be Your Own Boss (BYOB) dan bantuan geran sebanyak RM400,000.00 yang dikenali sebagai Bantuan IKS (BAIKS) di Sabah.

Kolaborasi ini bertujuan membantu usahawan-usahawan kecil bumiputera dan bukan bumiputera di Sabah yang terjejas perniagaan berikutan kesan pandemik Covid-19. Ia juga bermatlamat untuk meningkatkan bilangan usahawan-usahawan IKS di Sabah untuk menceburi bidang perniagaan berlandaskan sistem francais dan prafrancais.

Projek BYOB menawarkan dua (2) program di bawahnya iaitu program “Successful Women Entrepreneurship Engagement Talent (SWEET)” untuk wanita dan program “Young Entrepreneurship Engagement Talent (YOUNITY)” untuk golongan belia.

Melalui projek BYOB, para usahawan berpeluang mengikuti latihan berstruktur, padanan perniagaan, pembiayaan dan pemantauan perniagaan selama enam (6) bulan apabila bermulanya perniagaan.

Pernas menyasarkan untuk melahirkan 1,000 francais dan prafrancais melalui dua (2) program tersebut. Sejak projek ini diperkenalkan, seramai 1,070 orang peserta telah mendaftar sebagai peserta BYOB dan sebanyak RM19 juta diperuntukkan dalam melaksanakan projek BYOB.

MID akan menyalurkan geran kepada usahawan yang berjaya menyertai projek BYOB menerusi agensinya, DIDR dengan peruntukan sebanyak RM20,000 bagi setiap usahawan.

Menurut YB Datuk Haji Zakaria bin Haji Mohd Edris, Pengerusi Pernas menyatakan bahawa dijangka sekurang-kurangnya 20 usahawan di Sabah akan mendapat manfaat daripada kolaborasi yang dilaksanakan.

“Majlis pada hari ini menandakan satu lagi komitmen dan inisiatif Pernas dalam merealisasikan mandat dalam meneraju industri francais di Malaysia. Pernas sentiasa mencari peluang untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, Kementerian, pihak swasta, penggiat industri dan juga badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan amnya seterusnya merencanakan pertumbuhan industri francais.” tambah beliau.

Dengan jumlah geran yang diberikan, Pernas menawarkan pakej perniagaan daripada jenama di bawah program Business In Transformation (BIT) seperti Alap-Alap, Mr. Doonat, Keropok Lekor Masyhur, Nuvis, Chik Satay, Eyda Ice-Cream dan Rollie Café. Dalam program yang sama, terdapat sesi penyampaian mock cheque kepada tujuh (7) usahawan prafrancaisor bagi jenama-jenama tersebut.

Majlis hari ini turut dihadiri YB Tuan Tamin bin Zainal, Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah, YBrs. Tuan Thomas Logijin, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah, YBrs. Encik Tseu Kei Yue. Pengarah, Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah (DIDR), YBrs. Encik Azrul Ahmad, Timbalan Pengurus Besar Kumpulan SEDCO (Hal Ehwal Korporat dan Kewangan) dan YBrs. Encik Mohd Hilaluddin bin Abd Shukor, Ketua Pegawai Eksekutif Pernas,

Untuk urusan media, sila hubungi: Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Strategik melalui emel, hamidah.ibrahim@pernas.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

---

### ***PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)***

Pernas adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan ditubuhkan pada 29 November 1969 yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia.

Mulai 2004, Pernas mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakarannya dengan menawarkan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti seperti berikut:

1. Skim Pembiayaan Francais untuk perniagaan dan usahawan francais yang merangkumi semua keperluan perniagaan francais termasuk perbelanjaan modal and keperluan modal kerja;
2. Pembiayaan Ekuiti untuk membantu meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor francais strategik; dan
3. Khidmat nasihat merangkumi sokongan kepada pembangunan usahawan bumiputera dan perniagaan francais untuk meningkatkan daya saing dalam persekitaran perniagaan.

Pernas menyediakan khidmat latihan dan skim khas untuk francaisor dan francaisi dan mengalukan rakan-rakan francais ke Malaysia. Selain itu, Pernas juga menawarkan perkhidmatan lain seperti latihan, penyewaan ruang runcit, pelaburan & pembiayaan hartanah (berkaitan dengan francais) dan pelaburan ekuiti.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, Pernas juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat Koridor Utara, Pejabat Koridor Pantai Timur, Pejabat Koridor Selatan, Pejabat Koridor Sabah dan Pejabat Koridor Sarawak yang bersedia menjalankan peranan mereka dalam membangunkan lebih ramai francaisor dan francaisi.